

16/08/1998

Sistem gilir KM Sabah kekal: PM

Manja Ismail; Lichong Angkui

KOTA KINABALU: Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah, yang diperkenalkan sejak 1994, akan diteruskan sehingga Barisan Nasional (BN) Sabah sendiri berpendapat ia tidak perlu diteruskan.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sehingga kini pelaksanaan sistem penggiliran itu tidak menghadapi masalah dan diterima dengan baik oleh semua pihak di negeri ini.

"Cara pemimpin yang diamanahkan, menerajui kepemimpinan negeri ini diterima dengan baik oleh semua pihak."

"Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri ini akan diteruskan sehingga mereka sendiri berpendapat bahawa ia tidak perlu diteruskan," katanya dalam sidang akhbar sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, petang semalam.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri kepada pemimpin Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina diperkenalkan selepas pilihan raya negeri 1994.

Ia dimulakan dengan kuota Bumiputera Islam menerusi Umno, kemudian Cina menerusi Parti Maju Sabah (SAPP) dan kini fasa ketiga menerusi kuota Bumiputera bukan Islam menerusi Parti Demokratik Sabah (PDS).

Perdana Menteri yang tiba di sini kelmarin berkata, perpaduan di kalangan parti komponen BN Sabah amat baik dan mereka bersedia menghadapi pilihan raya negeri bila-bila masa.

Pilihan raya negeri boleh diadakan dari sekarang hingga tempohnya berakhir pada Mac tahun depan.

Menurut Dr Mahathir, berdasarkan komitmen dan perpaduan yang ditunjukkan oleh parti komponen BN Sabah setakat ini, peluang gabungan itu untuk memenangi pilihan raya negeri nanti, cerah.

"Seperti saya nyatakan, BN hanya boleh dikalahkan oleh BN. Orang lain tak boleh mengalahkan BN... kalau BN bersatu padu dan bekerjasama, tak ada masalah," katanya.

Mengenai pemilihan calon pilihan raya, Dr Mahathir berkata parti komponen boleh mengemukakan nama calon masing-masing untuk dipertimbangkan oleh beliau.

"Mereka boleh buat cadangan dan kita akan timbang. Keputusan akan dibuat oleh saya dan mengikut amalan, keputusan saya akan diterima," katanya.

Mengenai kemungkinan isu kegawatan ekonomi dimainkan oleh pembangkang dalam pilihan raya negeri nanti, Perdana Menteri berkata kerajaan pun boleh menggunakannya untuk melawan pembangkang.

Menurutnya, ketika pembangkang memerintah negeri ini, keadaan ekonomi lebih teruk daripada sekarang.

"Dahulu lampu jalan tak ada, jalan berlopak-lopak, orang tak ada kerja, perniagaan buruk. Itu masa pembangkang," katanya.

Dr Mahathir juga menjelaskan, beliau sudah menerima peletakan jawatan Datuk Abdul Ghapur Salleh sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah dan soal penggantinya akan ditentukan kemudian.

Beliau akan berbincang dengan pimpinan Umno negeri terlebih dahulu sebelum membuat keputusan penggantinya.

(END)